

BACAAN DOA KETIKA BERADA DIATAS BUKIT SAFA DAN MARWAH

BACAAN KETIKA BERADA DI ATAS BUKIT SAFA & MARWAH

“Apabila berada di tepi bukit Safa
Nabi SAW membaca:

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ
أَبْدَأْ بِمَا بَدَأَ اللَّهُ بِهِ

“Sesungguhnya Bukit Safa dan Marwah
adalah sebahagian daripada syiar tempat
beribadat kepada Allah. Aku mulai sa’ie
mengikut apa yang didahulukan oleh Allah.”

- Sahabat yang meriwayatkan hadith ini ialah:
Jabir bin Abdillah radhiyallahu ‘anhu

 Ustaz Qarni Edrus

BACAAN KETIKA BERADA DI ATAS BUKIT SAFA & MARWAH

Kemudian Nabi SAW naik ke atas bukit Safa sehingga melihat Kaabah dan menghadapkan mukanya kearah kiblat. Baginda membaca kalimah tauhid dan bertakbir:

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

“Allah Maha Besar, Allah Maha Besar,
Allah Maha Besar.”

 Ustaz Qarni Edrus

BACAAN KETIKA BERADA DI ATAS BUKIT SAFA & MARWAH

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، أَنْجَزَ وَعْدَهُ
وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَخْرَابَ وَحْدَهُ

“Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah yang Esa, tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya kerajaan dan bagi-Nya kepujian dan Dia berkuasa ke atas setiap sesuatu. Tiada Tuhan melainkan Allah yang Esa, tiada sekutu bagi-Nya. Allah telah menepati janji-Nya dan membela hamba-Nya dan mengalahkan tentera musuh dengan sendiri-Nya.”

Kemudian Nabi SAW berdoa di antara keduanya. Baginda membacanya sebanyak tiga kali. Di dalam hadith tersebut juga dikatakan bahawa Nabi SAW membaca di atas bukit Marwah seperti bacaannya di Safa.²⁵²

 Ustaz Qarni Edrus